



22140134



MALAY A: LITERATURE – HIGHER LEVEL – PAPER 2
MALAIS A : LITTÉRATURE – NIVEAU SUPÉRIEUR – ÉPREUVE 2
MALAYO A: LITERATURA – NIVEL SUPERIOR – PRUEBA 2

Monday 12 May 2014 (afternoon)
 Lundi 12 mai 2014 (après-midi)
 Lunes 12 de mayo de 2014 (tarde)

2 hours / 2 heures / 2 horas

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

- Do not open this examination paper until instructed to do so.
- Answer one essay question only. You must base your answer on at least two of the Part 3 works you have studied and compare and contrast these works in response to the question. Answers which are not based on a discussion of at least two Part 3 works will not score high marks.
- You are not permitted to bring copies of the works you have studied into the examination room.
- The maximum mark for this examination paper is *[25 marks]*.

INSTRUCTIONS DESTINÉES AUX CANDIDATS

- N'ouvrez pas cette épreuve avant d'y être autorisé(e).
- Traitez un seul sujet de composition. En basant votre réponse sur au moins deux des œuvres de la troisième partie que vous avez étudiées, vous devez comparer et opposer ces œuvres dans le cadre du sujet. Les réponses qui ne sont pas basées sur au moins deux des œuvres de la troisième partie n'obtiendront pas une note élevée.
- Vous n'êtes pas autorisé(e) à apporter des exemplaires des œuvres que vous avez étudiées dans la salle d'examen.
- Le nombre maximum de points pour cette épreuve d'examen est *[25 points]*.

INSTRUCCIONES PARA LOS ALUMNOS

- No abra esta prueba hasta que se lo autoricen.
- Conteste una sola pregunta de redacción. Base su respuesta en al menos dos de las obras estudiadas de la Parte 3, comparándolas y contrastándolas en relación con la pregunta. Las respuestas que no se basen en al menos dos obras de la Parte 3 no recibirán una puntuación alta.
- No está permitido traer copias de las obras estudiadas a la sala de examen.
- La puntuación máxima para esta prueba de examen es *[25 puntos]*.

Jawab **satu** soalan esei sahaja. Jawapan anda hendaklah berdasarkan kepada **sekurang-kurangnya dua** daripada karya-karya Bahagian 3 yang anda kaji serta **bandingkan** karya-karya itu dalam menjawab soalan. Jawapan yang **tidak** berdasarkan perbincangan tentang dua karya Bahagian 3, **tidak** akan mendapat markah tinggi.

Cerpen

1. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya yang anda kaji, bincangkan bagaimana monolog dan/atau aliran kesedaran memberi kesan kepada penceritaan sesebuah cerpen.
2. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya yang anda kaji, bincangkan bagaimana penggunaan watak bukan manusia seperti haiwan menjadi lebih berkesan bagi tema cerpen tersebut.
3. Pengarang dapat menggambarkan kekejaman terhadap sesama manusia melalui kejadian atau perwatakan atau kedua-duanya. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya yang anda kaji, bincangkan bagaimana pengarang yang berlainan menggambarkan kekejaman.

Drama

4. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya yang anda kaji, bincangkan bagaimana pengarang memaparkan kesan kecelakaan dan/atau tragedi terhadap watak-watak utama dramanya.
5. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya yang anda kaji, bincangkan bagaimana penampilan unsur-unsur kekaguman atau *spectacle* memberi kesan kepada penonton atau pembaca.
6. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya yang anda kaji, bincangkan bagaimana pengarang berbeza memaparkan dengan berkesan sejarah hidup dan sumbangan seseorang tokoh masyarakat.

Novel

7. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya yang anda kaji, bincangkan bagaimana kehadiran ungkapan-ungkapan dalam bahasa asing, teknikal dan saintifik memberi kesan kepada kefahaman dan keseronokan pembaca.
8. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya yang anda kaji, bincangkan unsur-unsur stereotaip yang sering digunakan pengarang dan bagaimana ianya membawa kesan kepada perkembangan cerita dan penerimaan pembaca.
9. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya yang anda kaji, bandingkan bagaimana pengarang berlainan memaparkan latar atau gambaran berbeza bagi menimbulkan mood pada bahagian-bahagian tertentu cerita dan apakah kesannya kepada pembaca.

Puisi

10. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya yang anda kaji, bandingkan teknik pengarang berlainan dalam menyampaikan mesej terhadap perubahan sikap dan/atau pemikiran.
11. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya yang anda kaji, bincangkan bagaimana pemilihan imejan mengungkap sikap pengarang terhadap masalah sosial.
12. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya yang anda kaji, bandingkan bagaimana pengarang berlainan menggunakan perkataan dan ungkapan tertentu dalam menyampaikan persoalan kerohanian.

Prosa tradisional

13. Sejauhmanakah kehadiran unsur-unsur pelebih-lebihan dan/atau hiperbola dalam sekurang-kurangnya dua karya yang anda kaji, memberi kesan kepada kefahaman pembaca?
14. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya yang anda kaji, bincangkan kepentingan dan kesan perlukisan pakaian, pertuturan dan/atau tingkah laku dalam menggambarkan budaya dan nilai-nilai kemasyarakatan tradisional.
15. Sejauhmanakah sekurang-kurangnya dua karya prosa tradisional yang anda kaji, berkesan dalam menyampaikan pengajaran atau teladan kepada khalayak pembaca masa kini?